



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bilangan 13 Tahun 2023

**PENGUNAAN SEPENUHNYA KAD PRIHATIN SISWA (KPS) DI
SELURUH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA berkaitan penggunaan dan pemakaian Kad Prihatin Siswa (KPS) di seluruh sistem UiTM. Semua kad pelajar lama UiTM adalah tidak sah digunakan atau diperakukan untuk sebarang urusan rasmi di universiti.

LATAR BELAKANG

2. Kad Prihatin Siswa adalah merupakan satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersama-sama Universiti Awam (UA) di Malaysia dan bank RHB bagi melaksanakan inisiatif penjimatan kewangan, *cashless campus*, *smart campus*, identiti siswa dan mewujudkan ekosistem kewangan yang lebih baik kepada siswa, pengurusan universiti, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Kementerian pengajian Tinggi (KPT).

OBJEKTIF

3. Pelaksanaan KPS mempunyai beberapa objektif berikut :
 - a) Memperkasa dan mempelbagaikan fungsi Kad Matrik pelajar IPT.
 - b) Memudahkan penyaluran peruntukan atau bantuan terus kepada akaun pelajar.
 - c) Transformasi ekosistem transaksi kewangan di IPT ke arah *cashless* kampus.
 - d) Menyeragamkan kemudahan atau fasiliti dan tawaran/ keistimewaan/ ganjaran/ promosi kepada pelajar IPT.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan Kad Prihatin Siswa (KPS) yang digunapakai adalah melibatkan semua pelajar UiTM iaitu Pelajar Baharu dan Pelajar Lama bagi semua mod pengajian.

Pelajar Baharu	Pelajar Lama
<p>1) Kemasukan dan pendaftaran pelajar baharu UiTM mulai Julai 2023 dan kemasukan seterusnya, semua pelajar baharu UiTM perlu membuka akaun Simpanan i-Pro RHB terlebih dahulu di mana-mana cawangan bank RHB berdekatan sebelum hadir ke kampus UiTM untuk membuat pendaftaran sebagai pelajar baharu UiTM.</p> <p>2) Cetakan Kad Prihatin Siswa (KPS) hanya dapat dilaksanakan oleh pihak UiTM sekiranya pelajar baharu UiTM telah memuat naik gambar di sistem UCMS (kad.uitm.edu.my).</p> <p>3) Pelajar baharu UiTM perlu menuntut atau mendapatkan Kad Prihatin Siswa di kampus UiTM masing-masing (di Kaunter Pejabat Bahagian Hal Ehwal Akademik). Sila rujuk di : https://kpsiswa.uitm.edu.my/penting/tuntutan-kad-prihatin-siswa</p>	<p>1) Maklumat pelajar UiTM yang telah memberi consent bagi pembukaan akaun Simpanan i-Pro RHB akan dihantar kepada pihak bank RHB bagi tujuan pembukaan akaun bank tersebut oleh pihak bank RHB. Jika pembukaan akaun tersebut berjaya dibuat oleh pihak bank RHB, pelajar UiTM akan menerima sms dan emel daripada pihak bank RHB berkaitan kejayaan pembukaan akaun bank Simpanan i-Pro.</p> <p>Nota : Aktiviti melaksanakan consent boleh dibuat melalui aplikasi/ sistem MyStudent/ UFuture/ Student Portal.</p> <p>2) Cetakan Kad Prihatin Siswa (KPS) hanya dapat dilaksanakan oleh pihak UiTM sekiranya pelajar lama UiTM telah memuatnaik gambar di sistem UCMS (kad.uitm.edu.my).</p> <p>3) Pelajar lama UiTM perlu menuntut atau mendapatkan Kad Prihatin Siswa di kampus UiTM masing-masing (di Kaunter Pejabat Bahagian Hal Ehwal Akademik). Sila rujuk di : https://kpsiswa.uitm.edu.my/penting/tuntutan-kad-prihatin-siswa</p>
<p>4) Pihak bank RHB akan hadir ke kampus UiTM bagi mengaktifkan Kad Prihatin Siswa dengan akaun bank Simpanan iPro pelajar yang telah berjaya dibuka. Pengaktifan ini bagi memastikan transaksi bank ke atas akaun tersebut dan Kad Prihatin Siswa yang diperolehi pelajar UiTM boleh dibuat secara atas talian atau menggunakan mesin ATM.</p>	
<p>Nota :</p> <p>1) Walaubagaimanapun, pelajar UiTM kategori di bawah boleh hadir ke mana-mana cawangan bank RHB untuk mengaktifkan Kad Prihatin Siswa dengan membawa Kad Pengenalan :</p> <ol style="list-style-type: none">Telah mendapat/menuntut kad fizikal Prihatin Siswa di dalam kampus UiTM.Telah mendapat sms/emel daripada pihak bank RHB berkaitan pembukaan akaun bank Simpanan i-Pro. <p>2) Pelajar UiTM TIDAK PERLU HADIR ke mana-mana cawangan bank RHB yang berdekatan bagi mendapatkan/ menuntut kad Prihatin Siswa UiTM. Semua urusan cetakan dan tuntutan Kad Prihatin Siswa UiTM oleh pelajar UiTM HANYA dilaksanakan di dalam kampus UiTM sahaja. Sila rujuk pautan : https://kpsiswa.uitm.edu.my/penting/tuntutan-kad-prihatin-siswa</p>	



Sila imbas **Kod QR** disebelah untuk maklumat lanjut dan Panduan Lengkap pelaksanaan Kad Prihatin Siswa (KPS).

Justeru itu, penggunaan kad pelajar lama yang berlatar belakang warna kuning seperti di bawah perlu ditukar dengan kadar segera oleh semua pelajar UiTM dengan hadir ke kaunter kad UiTM di kampus masing-masing. Pertukaran kad pelajar lama ke Kad Prihatin Siswa adalah secara percuma (tiada dikenakan bayaran).



TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling ini dikeluarkan pada 07 Disember 2023.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 08 Disember 2023.

PEMAKAIAN

7. Pekeliling ini terpakai untuk semua pelajar baharu dan lama UiTM.

Saya yang menjalankan amanah,


(PROF. DR. HAJI MOHD SAZILI SHAHIBI)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dikeliling Kepada:

1. YBhg. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Bendahari
4. Rektor Kampus Cawangan

5. *Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian)*
6. *Dekan Fakulti*
7. *Ketua Polis Bantuan UiTM*
8. *YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)*

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Ruj. Fail : 100-HEP (PT.6/5)

Tarikh : 07 Disember 2023